



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 1/2000

TUNTUTAN YURAN KURSUS BAGI PEKERJA/PELATIH SENDIRI

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan penyedia latihan mengenai cara menuntut bayaran balik yuran kursus bagi latihan yang dijalankan terhadap pekerja/pelatih sendiri.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada lazimnya, resit dikeluarkan kepada majikan yang membayar yuran kursus tetapi prosedur ini telah menimbulkan masalah kepada penyedia latihan yang menghantar pekerja/pelatihnya sendiri untuk mengikut kursus yang dikendalikan olehnya.

3. PROSES TUNTUTAN

- 3.1 Bagi mengatasi masalah ini, **penyedia latihan hendaklah menyediakan surat pengesahan seperti di [LAMPIRAN A](#) bagi menggantikan resit** untuk tujuan menuntut bayaran balik yuran kursus berkenaan. Yuran kursus ini hendaklah sama dengan yuran yang dikenakan kepada pelatih-pelatih lain.
- 3.2 Dalam apa jua keadaan, **semua kursus yang diikuti perlu mendapat kelulusan Bahagian Geran Latihan, Majlis Pembangunan Sumber Manusia terlebih dahulu kecuali bagi kursus di bawah Skim PROLUS dan PERLA dan surat pengesahan ini hendaklah disertakan bersama dengan borang tuntutan.**

4. PENUTUP

- 4.1 Prosedur ini bertujuan untuk memudahkan penyedia latihan menuntut geran latihan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Namun, mana-mana penyedia latihan yang mengemukakan surat pengesahan palsu semata-mata untuk menuntut bantuan kewangan akan dihadapkan ke mahkamah di bawah seksyen 7 Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992, Akta Pencegahan Rasuah, 1997 atau dilaporkan kepada pihak Polis.
- 4.2 Pekeliling ini berkuat kuasa pada 15 November 2000.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

" LATIHAN TERANCANG TUNGGAK KECEMERLANGAN"

Saya yang menurut perintah,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)

b.p. Ketua Pengarah

Majlis Pembangunan Sumber Manusia

